



SIARAN MEDIA

‘PERPADUAN KUNCI BINA NEGARA’, NGA ZAHIR PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT

PUTRAJAYA, 31 Ogos 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-69 atas semangat kebersamaan rakyat berbilang kaum dalam berganding bahu bersama Kerajaan MADANI membina negara serta menyaksikan kebangkitan semula Malaysia.

Nga Kor Ming berkata, Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim dalam **Amanat Hari Kebangsaan** semalam telah mengumumkan **enam (6) inisiatif utama** yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, merangkumi subsidi bahan api, penyelenggaraan sekolah, kemudahan kesihatan sehinggalah latihan kecerdasan buatan (AI) untuk golongan belia.

Menurut beliau, kesemua inisiatif tersebut mengambil kira maklum balas rakyat dan menyentuh keperluan kehidupan seharian, sekali gus mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk menjaga kebajikan rakyat serta membina negara bersama rakyat.

“Malaysia dibina oleh orang Melayu, Cina, India, Dayak, Kadazan dan seluruh rakyat tanpa mengira kaum atau latar belakang yang berganding bahu membangunkan negara.

“Enam (6) inisiatif yang diumumkan oleh Perdana Menteri merupakan bukti nyata bahawa Kerajaan MADANI mendengar denyut nadi rakyat dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat,” katanya.

Justeru, enam inisiatif (6) yang diumumkan oleh Perdana Menteri mampu memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Antara enam (6) inisiatif tersebut adalah:

1. Kuota bulanan subsidi petrol BUDI95 dikembalikan daripada 200 liter kepada 300 liter, yang akan memberi manfaat kepada lebih 16 juta rakyat. Kuota subsidi BUDI Diesel pula dinaikkan daripada maksimum 300 liter kepada 400 liter sebulan, memberi manfaat kepada lebih 500,000 penerima.
2. Peruntukan penyelenggaraan sekolah ditingkatkan daripada RM1 bilion kepada RM1.5 bilion.

3. Program AI sebagai sebahagian daripada usaha membawa Malaysia ke arah sebuah negara berteraskan kecerdasan buatan. Golongan belia berusia antara 18 hingga 30 tahun yang menamatkan kursus pembelajaran AI akan menerima langganan perkhidmatan AI secara percuma selama tiga bulan.
4. Sebanyak RM1 bilion diperuntukkan untuk menaik taraf kemudahan kesihatan awam melibatkan 150 hospital kerajaan dan 2,000 klinik kesihatan di seluruh negara.
5. Ambang pelaksanaan e-Invois dinaikkan daripada jualan tahunan RM1 juta kepada RM3 juta. Kira-kira 1.1 juta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan mendapat pengecualian menerusi langkah tersebut, sekali gus membantu mengurangkan kos pematuhan dan beban operasi perniagaan.
6. Geran Sejahtera MADANI bernilai RM200 juta bagi membantu penjaja, peniaga kecil, peniaga pasar malam serta pengusaha perniagaan dari rumah dan PKS lain untuk terus berkembang dan merancakkan ekonomi akar umbi.

Nga Kor Ming berkata, pencapaian Malaysia sepanjang 69 tahun kemerdekaan tidak mungkin dicapai tanpa sumbangan dan usaha bersama seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Menurut beliau, hanya dengan terus mempertahankan semangat perpaduan dan keterangkuman, Malaysia mampu menuju masa depan yang lebih makmur, adil dan berdaya saing.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

